



Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih Bersama Tuanku Canselor



Tuanku Canselor ketika menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim pada Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih di Masjid UPM.

**SERDANG, 2 September** – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkenan untuk mencemar duli pada Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih bersama warga Universiti Putra Malaysia (UPM) di Masjid UPM baru-baru ini.

Pada majlis tersebut juga Baginda Tuanku berkenan untuk menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dari beberapa buah rumah kebajikan, antaranya adalah Persatuan Kebajikan Rumah Perlindungan Teratak Nur Insan Kuala Lumpur, Rumah Kebajikan Rukayah, Badan Kebajikan Siti Khadijah Anak-Anak Yatim Selangor dan Rumah Mahaad Tahfiz Darul Fuqaha, Sungai Ramal.

Sumbangan Hari Raya berbentuk wang tunai itu adalah sumbangan dari Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd dan turut diberikan kepada 50 orang anak yatim dalam kalangan pelajar UPM.

Selepas berbuka puasa, Baginda turut menunaikan ibadah Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih bersama-sama komuniti UPM.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam ucapannya menyampaikan penghargaan kepada Baginda Tuanku yang juga merupakan Canselor UPM atas kesudian Baginda bersama-sama dengan warga UPM dalam acara tahunan UPM tersebut.

Antara tetamu kenamaan yang hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Dato' Abdul Khalid Ibrahim, Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Pro Canselor, Tan Sri Dato' Rozali Ismail dan Tan Sri Dato' Dr. Nayan Arifin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Syed Jalaluddin Syed Salim dan Exco Negeri Selangor, Tn. Hj. Yaacob Sapari.



Disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.